



**ANALISIS KOMUNIKASI DUA HALA GURU DENGAN
PELAJAR DALAM PERSEDIAAN MENGAJAR GURU
PELATIH**

**MOHD YUSOP AB. HADI
BAHAROM MOHAMAD
JAMALUDIN HASHIM
ABDUL RASHID RAZZAQ**

**INTERNATIONAL CONFERENCE ON
COMMUNICATION AND MEDIA (i COME 2008)
14 – 17 JUN 2008
KUALA LUMPUR**

Analisis komunikasi dua hala guru dengan pelajar dalam persediaan mengajar guru pelatih

Mohd Yusop bin Ab.Hadi
Baharom bin Mohamad
Jamaludin bin Hashim
Abdul Rashid bin Razzaq

Fakulti Pendidikan Teknikal
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor.

ABSTRAK

Elemen komunikasi antara guru dengan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran menuntut guru menggunakan kemahiran interaksi dua hala bagi memastikan isi pelajaran dapat disampaikan dengan lancar dan pelajar-pelajarnya menerima dengan jelas serta membuat interpretasi yang tepat mengenai maksud yang terkandung dalam mesej. Berbeza dengan komunikasi sehala, komunikasi dua hala memberi peluang penutur menilai sama ada mesej yang dihantarnya dapat diterima oleh penerima atau sebaliknya. Komunikasi dua hala juga memberi ruang kepada penutur untuk menilai ketepatan mesej yang diterima oleh penerima mesej. Perlaksanaan pengajaran yang berkesan bermula dengan perancangan pengajaran bagi satu satu sesi pengajaran. Rancangan untuk menyampaikan sesuatu objektif pengajaran yang jelas dan berasas kepada pelajar oleh guru ialah guru merancang dan menyediakan rancangan mengajar secara bertulis. Perancangan seperti ini memudahkan bakal individu yang akan melaksanakan pengajaran, menyemak, memperbaiki dan menjalankan simulasi sebelum melaksanakan proses pengajaran yang sebenar. Dalam kalangan guru pelatih mereka telah diajar bagaimana untuk merancang pengajaran dan sebelum memulakan sesuatu sesi pengajaran. Pengajaran yang baik adalah pengajaran yang mematuhi semua perancangan mengajar. Mendapati bahawa komunikasi dua hala adalah memainkan peranan dalam menjayakan proses pengajaran untuk mencapai matlamatnya maka perancangan mengajar yang dihasilkan oleh seseorang guru boleh dijadikan wadah untuk mengesan jangkaan penggunaan kemahiran komunikasi dua hala antara guru dengan pelajar dalam proses pengajaran. Sehubungan dengan ini tinjauan telah dijalankan untuk mengenal pasti penggunaan komunikasi dua hala guru dengan pelajar dalam persediaan mengajar guru pelatih sebelum menjalankan proses pengajaran. Dapatan kajian menunjukkan pelatih-pelatih lebih banyak menggambarkan penggunaan komunikasi sehala berbanding komunikasi dua hala dalam persediaan mengajar. Dengan ini adalah dicadangkan supaya pelatih-pelatih didedahkan peranan komunikasi dua hala dalam aktiviti pengajaran dan

format serta teknik penulisan komunikasi dua hala dalam penyediaan rancangan mengajar.

Pendahuluan

Komunikasi dua hala memainkan peranan dalam membantu mencapai matlamat kewujudan komunikasi. Proses komunikasi antara guru dengan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran menuntut guru menggunakan kemahiran interaksi dua hala bagi memastikan isi pelajaran dapat disampaikan dengan lancar dan pelajar-pelajarnya menerima dengan jelas serta membuat interpretasi yang tepat mengenai maksud yang terkandung dalam mesej. Berbeza dengan komunikasi sehala, komunikasi dua hala memberi peluang penutur menilai sama ada mesej yang dihantarnya dapat diterima oleh penerima atau sebaliknya. Komunikasi dua hala juga memberi ruang kepada penutur untuk menilai ketepatan mesej yang diterima oleh penerima mesej. Sehubungan dengan sifat komunikasi dua hala yang memberi maklumat timbal balas antara penyampai mesej dengan penerima mesej maka adalah wajar komunikasi dua hala dipraktikkan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Melalui komunikasi dua hala ini guru mempunyai banyak peluang untuk menilai keberkesanan proses pengajaran mereka.

Latar belakang kajian

Perlaksanaan pengajaran yang berkesan bermula dengan perancangan pengajaran bagi satu sesi pengajaran. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran sebelum dilaksanakan oleh guru ke atas pelajar-pelajar, perlu dirancang dengan teliti dengan memasukkan unsur-unsur psikologi, sosiologi dan pedagogi. Ketiga-tiga aspek ini perlaksanaannya adalah melalui mekanisme komunikasi guru dengan pelajar. Perancangan yang jelas dan berasas adalah dengan penyediaan rancangan mengajar yang bertulis. Perancangan seperti ini memudahkan bakal individu yang akan melaksanakan pengajaran, menyemak, memperbaiki dan menjalankan simulasi sebelum melaksanakan proses pengajaran yang sebenar. Dalam kalangan guru pelatih mereka diajar bagaimana untuk merancang pengajaran sebelum sesuatu sesi pengajaran bermula. Pengajaran yang dilaksanakan tanpa persediaan mengajar dianggap sebagai pengajaran yang tidak memenuhi prinsip dan prosedur pengajaran. Pengajaran yang baik adalah pengajaran yang mematuhi semua perancangan mengajar. Memandangkan bahawa komunikasi dua hala mampu memainkan peranan dalam menjayakan proses pengajaran untuk mencapai matlamatnya maka perancangan mengajar yang dihasilkan oleh seseorang guru boleh dijadikan wadah untuk mengesan kemahiran komunikasi dua hala antara guru dengan pelajar yang akan digunakan oleh guru dalam proses pengajaran. Sehubungan dengan ini tinjauan dijalankan untuk mengenalpasti penggunaan komunikasi dua hala antara guru dengan pelajar dalam persediaan mengajar guru pelatih sebelum menjalankan proses pengajaran.

Metodologi kajian

Sebanyak lapan rancangan mengajar yang dihasilkan oleh lapan guru pelatih digunakan untuk mengesan penggunaan komunikasi dua hala antara guru dengan pelajar dalam proses pengajaran. Perancangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dirancang pengendaliannya oleh guru pelatih dikumpul dan kemudiannya dianalisis dengan mengkatégorikan bahan mengenainya kepada tiga kategori skala;

1. Aktiviti yang sepenuhnya tidak mengandungi unsur komunikasi dua hala.
2. Aktiviti yang sebahagiannya mengandungi unsur komunikasi dua hala.
3. Aktiviti yang sepenuhnya mengandungi unsur komunikasi dua hala.

Kekerapan menggunakan komunikasi dua hala dalam rancangan pengajaran diperlihatkan dalam bentuk purata skor skala dan peratusan. Tafsiran purata skor skala bagi menyatakan kecederungan guru pelatih menggunakan komunikasi dua hala dalam proses pengajaran adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Tafsiran kecederungan guru pelatih menggunakan komunikasi dua hala dalam proses pengajaran

Julat skor skala	Tafsiran kecederungan guru pelatih menggunakan komunikasi dua hala dalam proses pengajaran
1 hingga 1.7	Tidak cenderung menggunakan komunikasi dua hala dalam proses pengajaran dan pembelajaran
>1.7 hingga 2.4	Cenderung menggunakan komunikasi dua hala dalam proses pengajaran dan pembelajaran
> 2.4 hingga 3	Sangat cenderung menggunakan komunikasi dua hala dalam proses pengajaran dan pembelajaran

Dapatan kajian

Dapatan kajian mengenai analisis penggunaan komunikasi dua hala dalam rancangan pengajaran lapan guru pelatih ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Analisis Penggunaan Komunikasi Dua Hala Dalam Rancangan Mengajar

Bil Aktiviti	Aktiviti pengajaran guru pelatih	Penggunaan komunikasi dua hala		
		1	2	3
	Guru pelatih 1			
	Subjek: Teknologi Elektrik : Tajuk : Kemagnetan (medan magnet dan keelektrometan)			
	Pengenalan:			/
1	Memberi salam dan bertanyakan khabar			
2	Memastikan kelas dalam keadaan bersedia		/	
3	Mengedarkan borang kedatangan untuk ditandatangani oleh pelajar.	/		
4	Bercerita dan menunjukkan gambar yang berkaitan dengan tajuk.	/		
5	Soal jawab secara ringkas bagi mengetahui pengetahuan sedia ada pelajar.		/	
6	Menghubungkan pengetahuan sedia ada pelajar dengan isi pelajaran	/		
	Penyampaian isi pelajaran:	/		
7	Menunjukkan magnet sebenar kepada pelajar supaya pelajar dapat mengetahui sifat magnet yang mempunyai daya magnet			
8	Menerangkan prinsip asas kemagnetan dan sifat-sifatnya.	/		
9	Menerangkan medan magnet dan menyenaraikan sifat-sifat medan magnet	/		
10	Meminta pelajar menyebut sifat-sifat garisan daya magnet/fluks.			/
11	Menerangkan sifat-sifat medan magnet yang tidak dinyatakan oleh pelajar.	/		
12	Menerangkan keelektromagnetan dan menentukan arah medan magnet dengan menggunakan kompas, hukum tangan kanan dan hukum skrew tangan kanan.	/		
13	Meminta pelajar mencuba melukis arah medan magnet bagi pengalir pada arah arus berlainan.			/
14	Meminta pelajar membuat kesimpulan hasil dari lukisan rajah medan magnet yang dibuat.			/
15	Penutup:			/
	Menyoal pelajar dengan beberapa soalan bagi mengetahui tahap pemahaman mereka terhadap isi pelajaran hari ini.			
16	Membuat rumusan isi pelajaran secara keseluruhan.	/		
	Guru pelatih 2			
	Subjek: Multimedia; Tajuk: Persembahan multi media			
17	Pengenalan:	/		
	Pemasangan alat.			
18	Mengucapkan salam.	/		
19	Bertanyakan khabar.			/
20	Mengarahkan pelajar membaca doa.	/		
21	Bertanyakan soalan gambar apakah yang terdapat dalam slaid <i>power point</i> .			/
22	Penyampaian isi pelajaran:	/		
	Membentangkan slid <i>power point</i> mengenai jenis-jenis penyampaian multi media.			
23	Membentangkan slaid <i>power point</i> serta menerangkan perancangan dan pembinaan projek multi media semasa membangunkan projek multi media.	/		
24	Menunjukkan slaid <i>power point</i> dan menerangkan tugas dan tanggungjawab Pengurus Produksi.	/		

25	Menerangkan slaid <i>power point</i> mengenai lima proses penghasilan produk multi media tugas pasukan pembangunan produk multi media.	/		
26	Mengarahkan pelajar untuk menjawab soalan-soalan pendek.		/	
27	Penutup: Menerangkan secara ringkas isi pelajaran untuk dibawa ke minggu hadapan.	/		
	Guru pelatih 3			
	Subjek: Fizik: Tajuk: Pengukuran			
28	Pengenalan: Memberi salam dan pelajar menjawabnya.		/	
29	Menunjukkan beberapa batang pen.	/		
30	Meminta pelajar menerangkan cara untuk mengukur panjang dan diameter pen.			/
31	Meminta pelajar memberikan respon mengenai apa yang dilihat untuk dikaitkan dengan isi pelajaran.			/
32	Menyatakan pengukuran menggunakan pembaris tidak tepat.	/		
33	Menerangkan secara ringkas mengenai peralatan yang telah dipelajari.	/		
34	Menanyakan beberapa soalan.		/	
35	Memberi penerangan berdasarkan slaid, jenis dan saiz mikrometer, nama dan lakaran bahagian-bahagian mikrometer luar, prinsip asas mikrometer, bacaan dan lakaran pada mikrometer dan cara penggunaan mikrometer.	/		
36	Soal jawab sekiranya pelajar kurang faham.		/	
37	Pengujian berdasarkan penerangan yang telah dibuat. Soalan mengenai bahagian-bahagian mikrometer, skala mikrometer dan membaca mikrometer.			/
38	Menghendaki pelajar mengambil bacaan pada mikrometer yang ditunjukkan.			/
39	Memberi penerangan berdasarkan slaid, lakaran dan nama bahagian-bahagian angkup vernier, prinsip asas vernier, cara menggunakan angkup vernier dan bacaan angkup vernier.	/		
40	Soal jawab sekiranya pelajar kurang faham.		/	
41	Pengujian berdasarkan penerangan yang telah dibuat. Soalan-soalan berkaitan dengan bahagian-bahagian angkup vernier, skala vernier dan membaca angkup vernier.			/
42	Penutup: Memberi tugas dalam bentuk laporan ringkas dan dihasilkan secara individu.	/		
	Guru pelatih 4			
	Subjek: Komputer dan Teknologi Maklumat; Tajuk: Aplikasi Sistem Operasi			
43	Pengenalan: Menyenaraikan arahan-arahan DOS.	/		
44	Menerangkan dan mengaplikasi fungsi-fungsi arahan-arahan DOS.	/		
45	Penyampaian isi pelajaran: Bertanyakan pelajar apa yang mereka faham tentang DOS.			/
46	Memberi penerangan mengenai fungsi DOS dan mengedar nota kuliah.	/		
47	Memberi penerangan tentang arahan-arahan DOS dan perbezaan antara satu sama lain iaitu DIR, COPY, RENAME, DELETE.	/		
48	Menggalakkan pelajar bertanya jika kurang jelas.		/	
49	Menunjukkan contoh-contoh penggunaan DOS.	/		
50	Memberi penerangan tentang kepentingan DOS kepada komputer.	/		
51	Penutup: Memberi soalan pengukuhan tentang arahan-arahan DOS.		/	

Guru pelatih 5				
Subjek: Hidrolik 1; Tajuk: Aliran Dalam Saluran Terbuka				
52	Pengenalan: Memberi salam dan bertanyakan khabar	/		
53	Memastikan kebersihan dan susunan kelas teratur serta mengedarkan borang kedatangan.	/		
54	Penyampaian isi pelajaran: Menjelaskan mengenai jenis-jenis aliran dalam saluran terbuka.	/		
55	Meminta pelajar mengelaskan jenis-jenis aliran dalam saluran terbuka.			/
56	Memberi takrifan cerun hidraul, cerun dasar, perimeter basah dan jejari hidraulik.	/		
57	Memotivasikan supaya tidak kenal erti jemu dalam menimba ilmu dan saling bekerjasama dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan baik.		/	
58	Menerangkan takrifan istilah Mekanik Bendalir.	/		
59	Penutup: Mengulangi secara ringkas keseluruhan pelajaran.	/		
60	Merumuskan isi pelajaran yang lebih mudah difahami oleh pelajar.	/		
61	Menjadualkan senarai rumus yang perlu digunakan dalam kerja-kerja pengiraan yang terlibat bagi memudahkan kerja-kerja pengiraan.	/		
62	Menerangkan mengenai apa yang bakal dipelajari pada kelas yang akan datang.	/		
Guru pelatih 6				
Subjek: Instrumentasi; Tajuk: Meter Upaya				
63	Pengenalan: Memberi salam	/		
64	Memberi senarai kedatangan	/		
65	Menunjukkan seterika dan gambar-gambar seterika.	/		
66	Meminta pelajar memberi maklum balas bagaimana seterika dilaraskan.			/
67	Penyampaian isi pelajaran: Menunjukkan slaid dan memperkenalkan meter upaya, struktur bahan binaan dan jenis-jenisnya.	/		
68	Memberi takrifan meter upaya sebagai alat untuk mengukur voltan.	/		
69	Mengulang semula sekiranya pelajar kurang faham dan membantu untuk mengingat.	/		
70	Menunjukkan slaid dan menerangkan struktur dan simbol galvanometer yang sering digunakan serta kedudukan galvanometer dalam litar meter upaya dawai gelang sar asas.	/		
71	Menunjukkan slaid dan menerangkan mengenai struktur litar meter upaya dawai gelang sar asas melalui lakaran.	/		
72	Menerangkan cara membentuk persamaan $E_x = E_s / L I L_2$.	/		
73	Menerangkan fungsi empat komponen yang terdapat dalam litar meter upaya dawai gelang sar asas.	/		
74	Menyatakan dan menerangkan prinsip kendalian meter upaya dawai gelang sar.	/		
75	Menyatakan dan menerangkan kegunaan Potentiometer.	/		
76	Penutup: Menguji kefahaman pelajar dengan menulis isi-isi yang dikehendaki di papan putih.			/
77	Membuat rumusan daripada keseluruhan pengajaran dan pembelajaran.	/		

Guru pelatih 7			
Subjek: Instrumentasi; Tajuk: Cas dan Arus			
78	Pengenalan: Guru menceritakan satu situasi rod politena yang digosok dengan kain lembut	/	
79	Guru menunjukkan contoh-contoh logam dan bahan logam yang mempengaruhi pengaliran arus elektrik	/	
80	Pelajar diminta memberi contoh lain yang berkaitan dengan cas elektrik		/
81	Penyampaian isi pelajaran: Guru menerangkan konsep cas elektrik berdasarkan takrifannya	/	
82	Guru menunjukkan konsep cas elektrik pada rod politena.	/	
83	Pelajar diminta mengulangi takrifan		/
84	Guru menerangkan konsep arus elektrik dengan menggunakan contoh-contoh yang diberi sebelumnya.	/	
85	Guru menggunakan ammeter, miliammeter untuk menerangkan konsep pengaliran arus.	/	
86	Pelajar diminta untuk mengulang semula takrifan istilah arus elektrik dengan betul.		/
87	Guru menerangkan konsep elektron bebas berdasarkan kuantiti bagi elektron bercas positif dan elektron bercas negatif.	/	
88	Pelajar diminta mengulang makna elektron bebas.		/
89	Guru menerangkan konsep penebat elektrik dengan memberikan contoh-contoh logam yang bersifat penebat elektrik.	/	
90	Pelajar diminta untuk mengulangi makna penebat elektrik.		/
91	Guru menerangkan konsep semikonduktor dengan memberikan contoh-contoh bahan yang bersifat semikonduktor.	/	
	Pelajar diminta untuk mengulang makna semikonduktor.		
	Penutup:		
92	Guru merumuskan semua tajuk pelajaran hari ini sambil menyoal para pelajar.	/	
Guru pelatih 8			
Subjek: Pengajian kejuruteraan elektrik dan elektronik; Tajuk: Litar Arus Terus AT			
93	Pengenalan: Guru bertanya kepada pelajar mengenai penggunaan elektrik di rumah pelajar.		/
94	Guru bertanya kepada pelajar adakah bil elektrik di rumah boleh dijimatkan atau tidak.		/
95	Penyampaian isi pelajaran: Guru menerangkan definisi kuantiti dan unit elektrik.	/	
96	Guru menerangkan definisi bagi setiap kuantiti dan unit yang diukur iaitu cas, arus, voltan, rintangan, tenaga dan kuasa.	/	
97	Guru memberi contoh ahli-ahli sains yang telah menemui unit dan kuantiti elektrik seperti <i>Charles A. Coulomb, Andre Marie Ampere, Alessandro Volta</i> dan <i>James Watt</i> .	/	
98	Pelajar diminta menulis di hadapan kelas jenis-jenis dan simbol kuantiti dan unit elektrik		/
99	Guru menerangkan jenis-jenis meter yang terdapat di dalam meter analog.	/	
100	Guru menggunakan meter ampere, meter volt dan meter ohm untuk menerangkan gambaran fizikal dan juga konsep pergerakan pada meter.	/	
101	Pelajar diminta membezakan ciri-ciri dan fungsi bagi setiap meter..		/

102	Guru menerangkan mengenai meter watt.	/		
103	Guru menggunakan meter watt untuk menerangkan gambaran fizikal dan juga konsep pergerakan pada meter.	/		
104	Guru menerangkan rajah litar kepada pelajar.	/		
105	Pelajar diminta memberi takrifan meter watt dan menerangkan rajah litar.			/
106	Guru menerangkan mengenai meter tenaga..	/		
107	Guru menggunakan meter tenaga untuk menerangkan gambaran fizikal dan juga konsep pergerakan pada meter.	/		
108	Guru menerangkan cara membuat pengiraan bagi takrif.	/		
109	Pelajar diminta membuat pengiraan bagi tarif.			/
110	Guru menerangkan mengenai meter pelbagai.	/		
111	Guru menggunakan meter pelbagai berdigit untuk menerangkan gambaran fizikal dan juga konsep pergerakan pada meter.	/		
112	Pelajar diminta memberikan perbezaan antara meter pelbagai analog dengan meter pelbagai berdigit.			/
	Penutup:			
113	Guru merumuskan semua tajuk pelajaran hari ini sambil menyoal pelajar.	/		
114	Guru membincangkan perbezaan bagi setiap meter dan hubungannya dengan kuantiti elektrik.		/	
	Jumlah skala	73 (64.0 4%)	15 (13.1 5%)	26 (22.8 1%)
181	Jumlah skor skala	73	30	78
	Purata skor skala	181÷114=1.588		

Berdasarkan kepada Jadual 1 dapat dirumukan bahawa guru pelatih tidak cenderung menggunakan komunikasi dua hala dalam proses pengajaran. Ini berdasarkan kepada purata skor skala kecenderungan menggunakan komunikasi dua hala adalah 1.588. Skor skala 1.588 terletak dalam julat 1 hingga 1.7 yang ditafsirkan sebagai 'Tidak cenderung menggunakan komunikasi dua hala dalam proses pengajaran dan pembelajaran'. Berdasarkan bilangan kekerapan penggunaan aktiviti komunikasi dua hala oleh guru pelatih dalam rancangan mengajar; didapati 73 daripada 114 aktiviti pengajaran guru pelatih atau 64.04% tidak mengandungi unsur komunikasi dua hala, 15 aktiviti pengajaran atau 13.15% sebahagiannya mengandungi unsur komunikasi dua hala dan hanya 26 aktiviti pengajaran atau 22.81% sepenuhnya mengandungi unsur komunikasi dua hala.

Perbincangan dan cadangan

Analisis komunikasi dua hala guru dengan pelajar dalam persediaan mengajar guru pelatih menunjukkan bahawa kecenderungan guru pelatih untuk menggunakan komunikasi dua hala dalam menyampaikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran adalah rendah. Walau bagaimanapun ini bukan bermakna guru pelatih tidak mengetahui atau menyedari bahawa peranan kemahiran komunikasi dua hala dalam proses pengajaran

juga memberi kesan positif terhadap pembelajaran pelajar. Ini berdasarkan kepada terdapatnya 13.15% aktiviti pengajaran guru pelatih mengandungi unsur komunikasi dua hala dan 22.81% aktiviti pengajaran guru pelatih sepenuhnya mengandungi unsur komunikasi dua hala. Mereka kurang merancang penggunaan komunikasi dua hala dalam rancangan pengajaran mungkin kerana mereka beranggapan bahawa kekerapan menggunakan aktiviti komunikasi seperti ini adalah memadai atau tidak memasukkan rancangan penggunaan aktiviti komunikasi dua hala dalam rancangan pengajaran tetapi akan menggunakannya dalam proses pengajaran yang sebenar.

Oleh yang demikian langkah perlu diambil bagi menyedarkan guru pelatih bahawa mereka perlu memberi penekanan kepada memasukkan aktiviti komunikasi dua hala dalam menyediakan rancangan pengajaran. Alasan menyatakan bahawa guru pelatih akan menggunakan kemahiran dua hala dalam proses pengajaran dan pembelajaran walaupun tidak dinyatakan dalam rancangan mengajar kurang tepat kerana tanpa perancangan yang rapi agak sukar untuk memasukkan kemahiran komunikasi dua hala secara adhoc dalam proses pengajaran sebenar. Oleh kerana melalui analisis yang dijalankan ini menunjukkan guru pelatih lebih cenderung memilih penggunaan komunikasi sehalu berbanding komunikasi dua hala dalam persediaan mengajar maka dengan ini adalah dicadangkan supaya pelatih-pelatih didedahkan dengan pengetahuan mengenai peranan komunikasi dua hala dalam aktiviti pengajaran, format dan teknik penulisan komunikasi dua hala dalam penyediaan rancangan mengajar. Antara teknik untuk memasukkan penggunaan komunikasi dua hala dalam rancangan mengajar ialah;

- i. Guru mengemukakan soalan untuk dijawab oleh pelajar dalam aktiviti pengajaran walaupun pada waktu itu peranan guru adalah untuk memberi penerangan atau penjelasan mengenai konsep yang berkaitan dengan isi pelajaran.
- ii. Guru sentiasa mengamalkan penilaian berterusan sepanjang masa pengajaran untuk mengetahui sama ada isi pelajaran yang disampaikan kepada pelajar telah dikuasai oleh pelajar atau sebaliknya. Penilaian dijalankan sama ada berbentuk soalan atau berbentuk tugasan.

Kesimpulan dan Penutup

Analisis komunikasi dua hala antara guru dengan pelajar dalam persediaan mengajar guru pelatih telah dijalankan. Hasil daripada analisis ini menunjukkan bahawa guru pelatih tidak begitu menekankan kepada penggunaan komunikasi dua hala dalam merancang sesuatu sesi pengajaran. Memandangkan penggunaan komunikasi dua hala juga membantu keberkesanan guru menyampaikan mesej kepada pelajar maka penggunaan komunikasi ini sewajarnya dijadikan amalan dalam setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Usaha perlu dilakukan untuk menanamkan kesedaran dalam kalangan guru pelatih bahawa penggunaan kemahiran komunikasi dua hala dalam pengajaran perlu dijadikan amalan tugas harian seseorang guru. Antara aspek yang ketara menampakkan bahawa guru berjaya memasukkan unsur komunikasi dua hala dalam pengajaran dan pembelajaran ialah penggunaan soalan dalam penyampaian isi pelajaran, pelajar secara sukarela memberi jawapan atau bertindak balas terhadap aktiviti pengajaran guru, pelajar tidak rasa takut malah berasa bebas dan berani untuk memberi pendapat mereka semasa mengikuti pengajaran guru, dan pelajar berani meminta penjelasan lanjut apabila mereka tidak memahami sesuatu yang disampaikan oleh guru.

Bibliografi

Andersen, J. F., & Powell, R. (1982). Intercultural communication and the classroom. In L. A. Samovar & R. E. Porter (Eds.), *Intercultural communication: a reader* (6th ed.) (pp. 208-214). Belmont, CA: Wadsworth.

Berko, R. M., Bostwick, F. & Miller, M. (1989). *Basicly communicating: an activity approach* (2nd ed.). Dubuque, IA: Wm. C. Brown.

Cooper, Pamela J. (1991). *Speech Communication for the Classroom Teacher*. (4th ed.), Scottsdale: Gorsuch Scarisbrick, Publishers.

Flacks, Niki and Robert W. Rasberry. (1982). *Power Talk: How to Use Theater Techniques to Win Your Audience*. New York: The Free Press.

Ilardo, Joseph A. (1981). *Speaking Persuasively*, New York: Macmillan Publishing Co., Inc.